



# LIPUTAN MEDIA BULANAN MEI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
**JABATAN AUDIT NEGARA**

**UKK  
JAN**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

BERITA HARIAN | 7 MEI 2025

Rabu, 7 Mei 2025 **BH**

## ‘Sektor awam perlu henti pembelian gopoh akhir tahun’

KSN bangkit isu pengurusan kewangan tidak berhemat jejas kecekapan sumber, persepsi

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Amalan pembelian tergesa-gesa pada hujung tahun atau *Christmas Shopping* dalam perkhidmatan awam yang menyebabkan pembaziran sumber perlu dielakkan sama sekali.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata pengurusan perbelanjaan yang tidak berhemat, menjejaskan kecekapan penggunaan sumber dan boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap integriti dan tadbir urus kerajaan.

Shamsul Azri berkata, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) membangkitkan isu pengurusan kewangan kerajaan, namun penyelewengan dan pembaziran sumber awam masih berlaku.

“Jika dibiarkan isu ini menjadi semakin kompleks dan tiada penyelesaian yang tuntas, ia akan menjejaskan kredibiliti dan persepsi masyarakat terhadap perjawat awam secara umumnya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian Seminar Perakaunan Pengurusan 2025 bertema ‘Perakaunan Pengurusan: Daripada Data kepada Pembuatan Keputusan’ anjuran Jabatan Akauntan Negara Malaysia, di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Shamsul Azri berkata, penjawat awam perlu memastikan ketelusan, integriti, kebertanggungjawaban menjadi teras kepada prinsip dalam tatakelola dan etika.

“Kerajaan MADANI memberikan tumpuan untuk mengoptimumkan perbelanjaan awam dengan menyemak semula dasar perbelanjaan dan pengagihan sumber yang terhad bagi memastikan kecekapan, keberkesanan dan nilai untuk wang.

“Penerusan pelaksanaan dasar

Re arah subsidi bersasar membolehkan kerajaan mengurangkan pembaziran dan ketirisan serta menyediakan ruang fiskal untuk menambah baik bantuan kepada golongan rentan,” katanya.

**Syor audit diberi perhatian**

Beliau berkata, kerajaan juga mengambil langkah positif dengan melaksanakan pindaan Akta Audit 1957 yang akan memberi kesan positif melalui skop pengauditan terhadap pengurusan wang awam.

“Usaha itu juga memastikan syor audit sentiasa diberi perhatian serius dan diambil tindakan sewajarnya oleh semua pihak sama ada kementerian, jabatan dan agensi serta mana-mana badan, termasuk syarikat menerima wang awam.

“Jabatan Akauntan Negara Malaysia sebagai agensi penasihat perakaunan pengurusan di semua kementerian mengambil inisiatif pelaksanaan melalui pengenalan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 1.3 - Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan,” katanya.

Shamsul Azri berkata, pekeling itu untuk menerangkan dasar dan pelaksanaan perakaunan pengurusan melalui pengenalan Perakaunan Pengurusan dan Pelaporan Strategik atau dikenali *Strategic Management Accounting and Reporting (SMART)*.

“Penekanan perakaunan pe-

ngurusan akan diberikan ke atas aspek nilai faedah yang terbaik sebagai pelengkap kepada pengurusan fiskal kerajaan.

“Usaha ini secara langsung dapat meningkatkan tahap kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti kementerian dalam mengurus kewangan, risiko, sumber dan prestasi perkhidmatan awam dengan memastikan penggunaan sumber secara optimum,” katanya.

Shamsul Azri berkata, semua ketua setiausaha kementerian yang juga bertanggungjawab sebagai pegawai pengawal di kementerian masing-masing dan memastikan keberkesanan pelaksanaan perakaunan pengurusan serta pelaporan SMART bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap keputusan kewangan yang dibuat.

“Penjawat awam perlu mengambil langkah proaktif bagi menimba kecekapan teknikal yang kian kompleks dalam kewangan dan perakaunan serta melengkapkan diri dengan kepintaran bukan kewangan untuk meningkatkan keberkesanan amalan perakaunan pengurusan di sektor awam.

“Adaptasi teknologi berasaskan analisis data raya, kecerdasan buatan (AI) dan automasi pintar dapat membantu agensi kerajaan mengumpul, menganalisis serta mentafsir maklumat kewangan secara masa nyata,” katanya.



Wan Suraya (kiri) ketika ditemui media pada majlis perasmian Seminar Perakaunan Pengurusan 2025 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

SINAR HARIAN | 19 MEI 2025

BERITA [Follow](#) > Nasional [Follow](#)

## Pindaan Akta Audit 1957 beri kuasa Jabatan Audit Negara audit 1,856 GLC

MUHAMMAD AFHAM RAMLI [Follow](#)

19 Mei 2025 03:41pm  
Masa membaca: 2 minit



Wan Suraya (kanan) ketika sidang akhbar di Majlis Peluncuran KKFP di ibu negara pada Isnin.

KUALA LUMPUR - **[DIKEMAS KINI]** Pindaan Akta Audit 1957 (Akta 62) membolehkan Jabatan Audit Negara (JAN) mengaudit semua 1,856 syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata, berdasarkan pengauditan dan susulan audit yang dibuat serta dibentangkan dalam Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara (JSLKAN).

Menurutnya, ini selaras dengan pindaan Akta 62 pada hujung tahun lepas yang memperluaskan kuasa Ketua Audit Negara dalam pengauditan terhadap badan lain termasuk syarikat yang menerima jaminan kewangan serta pelaksanaan pendekatan baharu iaitu 'follow the public money audit', jelas menunjukkan peranan dan tanggungjawab strategik JAN dalam mengesan dan menilai risiko fraud perakaunan secara lebih berkesan dan bersasar.

"Kesemua jabatan GLC tidak akan terlepas daripada tindakan apabila laporan LKAN itu diterbitkan oleh pihaknya.

"Tindakan yang dibuat oleh JSLKAN mengesan beberapa ketirisan yang pada akhirnya akan dikutip semula sama ada dalam penyata kewangan negeri atau penyata kewangan Kerajaan Persekutuan.

"Malah kita juga mengaudit badan berkanun dan 1,875 syarikat berkaitan kerajaan dan apabila kita mengesan ketirisan berlaku, sama ada yang tidak dikutip, tidak diterima atau sebagainya, kita akan pastikan tindakan susulan dilakukan," katanya dalam sidang akhbar Majlis Peluncuran Kumpulan Kerja Fraud Perakaunan (KKFP) di Royale Chulan di sini pada Isnin.

Turut hadir Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki dan Akauntan Negara, Nor Yati Ahmad.

Wan Suraya berkata, dalam proses ini, pihaknya bukan sekadar mahu hasil itu dipulangkan semula tetapi mahu mengesan sama ada berlakunya ketidakteraturan serius atau isu-isu tadbir urus.

Dalam pada itu, katanya, JAN juga sedang meneroka teknologi baharu bagi mengesan penipuan sejajar dengan trend yang semakin kompleks dan berkembang.

"JAN kini sedang menjalani proses pendigitalan di mana hampir semua audit kini dijalankan secara digital.

"Kami juga sedang meneroka bagaimana kami boleh menggunakan teknologi baharu untuk mengesan penipuan, terutamanya isu penipuan yang kompleks dan baru muncul. Ini sudah menjadi sebahagian daripada proses kerja kami yang sedang berjalan," ujarnya.

Muat turun aplikasi Sinar Harian. [Klik di sini!](#)



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

SINAR HARIAN | 20 MEI 2025

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
Harlan

**NASIONAL**  
SELASA 20 MEI 2025 • SINAR HARIAN

11

Kerjasama  
tujuh agensi  
strategik banteras  
penyelewengan  
kompleks berskala  
antarabangsa

## KKFP perkukuh usaha kesan aset negara hilang

Oleh MUHAMMAD  
AFHAM RAMLI  
KUALA LUMPUR

**P**enubuhan Kumpulan Kerja Fraud Perakaunan (KKFP) merupakan langkah strategik dalam memperkukuh usaha negara mendapatkan semula wang dan aset hasil jenayah rasuah serta penyelewengan yang disembunyikan di luar negara.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, tindakan menangani kes kehilangan wang negara hasil jenayah bersindiket yang melibatkan pelbagai pihak bukan tugas mudah.

Namun, katanya, dengan penubuhan KKFP ini, ia dapat menyekat kebocoran dan memulangkan semula harta-harta yang dicuri.

"Contohnya pagi tadi (Isnin) dalam taklimat berkaitan isu



1Malaysia Development Berhad (1MDB), banyak yang perlu dibuat dan ia bukan kerja mudah dan memerlukan kepakaran," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Peluncuran KKFP di Royal Chulan, di sini pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Akauntan

Negara, Nor Yati Ahmad.

KKFP diterajui oleh tujuh agensi iaitu Jabatan Audit Negara (JAN), SPRM, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Institut Akauntan

Malaysia (MIA) yang berperanan sebagai platform kerjasama strategik rentas agensi dalam usaha membanteras jenayah penipuan perakaunan secara menyeluruh.

Mengulas lanjut mengenai skandal 1MDB, Azam menyifatkan ia sebagai kes yang kompleks dan mencabar kerana kebanyakannya aset yang dicuri

berada di luar negara.

"Kepakaran ahli KKFP akan digunakan sepenuhnya dalam pengesanan aset melibatkan kerjasama antarabangsa," ujarnya.

Tambahnya, KKFP memfokuskan kepada aspek pemulangan hasil dengan jangkaan impak positif dapat dilihat dalam tempoh enam bulan akan datang.

Sementara itu, Azam berkata, negara kerugian RM277 bilion bagi tempoh lima tahun akibat jenayah rasuah.

Menurutnya, statistik itu direkodkan bagi tempoh 2018 sehingga 2023 berdasarkan anggaran Kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurutnya, ia bersamaan purata RM55 bilion setahun dan merupakan satu angka yang amat membimbangkan.

"Tipologi rasuah kini jauh lebih kompleks dan rumit. Apa yang lebih membimbangkan, hampir kesemua taktik penipuan ini melalui proses dan sistem perakaunan dan pengauditan," katanya.

Azam  
(empat  
dari kanan)  
ketika  
Majlis  
Peluncuran  
Kumpulan  
Kerja Fraud  
Perakaunan  
di Kuala  
Lumpur  
pada Isnin.



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

BERITA HARIAN | 23 MEI 2025

11 Khamis, 23 Mei 2024

Komentar

11

## Laksana pendekatan baharu urus dana, perolehan kerajaan



Pengarah Urusan  
Kumpulan World  
Trade Centre Kuala  
Lumpur (WTCKL)  
dan mantan Ahli  
Jawatankuasa Khas  
Mencegah Rasuah  
(JKMR), Parlimen  
Malaysia

Oleh Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim  
bhrencana@bh.com.my

**Pendedahan** Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki baru-baru ini berlaku ketirisan hasil negara sebanyak RM227 bilion pada majlis pelancaran Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028, sangat mengejutkan.

Ketirisan RM277 bilion itu cerminan terang kepada gejala rasuah yang meresap dalam pengurusan kewangan negara. Ini bukan kali pertama Azam menekankan unsur ketirisan, secara langsung dikaitkan dengan gejala rasuah. Pada Oktober lalu, beliau memberitahu menjadi tanggungjawab SPRM membantu mengurangkan ketirisan dialami kerajaan.

Seperti disebutkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, jumlah sebesar itu sepatutnya dapat digunakan untuk tujuan lebih bermanfaat seperti pembasmian kemiskinan, pembinaan infrastruktur seperti sekolah dan hospital, serta membantu golongan memerlukan.

Persoalan dalam kalangan rakyat kita pada hari ini, mengapa dan bagaimana ketirisan dalam jumlah besar boleh terjadi. Mengapa ia dibiarkan berlaku dan tiada pihak bertanggungjawab serta dipertanggungjawabkan.

Penggunaan dana secara tidak cekap dan penyalahgunaan kuasa adalah sebahagian punca kepada jumlah ketirisan besar ini. Projek kerajaan tidak berkesan, pembaziran dalam pembinaan infrastruktur dan pengurusan projek lemah turut menyumbang kepada ketirisan mencemaskan ini.

Kita perlu menangani punca asal rasuah. Lang-

kah ketelusan lebih besar dalam pengurusan dana awam, pemantauan teliti terhadap pelaksanaan projek dan penegakan undang-undang lebih tegas terhadap rasuah adalah antara langkah perlu diambil. Ini harus diutamakan dan ditegaskan. Kita tiada pilihan.

Selain itu, penting bagi rakyat untuk turut serta secara aktif membanteras rasuah dengan melaporkan sebarang kegiatan mencurigakan dan menuntut akauntabiliti daripada pemimpin mereka. Perkara ini turut ditekankan dalam NACS. Ini bukan sahaja tanggungjawab kerajaan dan agensi kerajaan seperti SPRM, tetapi juga tanggungjawab bersama bagi kebaikan bersama.

### Pupuk budaya integriti di semua peringkat

Seperti digariskan dalam NACS, usaha menangani punca rasuah memerlukan pendekatan pelbagai aspek, termasuk reformasi menyeluruh untuk mengukuhkan mekanisme semak dan imbang sedia ada. Bagi tujuan ini, budaya integriti, ketelusan dan akauntabiliti perlu dipupuk di semua peringkat.

“Agensi kerajaan dan penjawat awam perlu mendapat pendidikan serta latihan mengenai kepentingan integriti dalam pentadbiran awam”

Agensi kerajaan dan penjawat awam perlu mendapat pendidikan serta latihan mengenai kepentingan integriti dalam pentadbiran awam. Mereka perlu memahami impak negatif rasuah dan penyelewengan terhadap rakyat dan negara. Tindakan undang-undang tegas perlu diambil terhadap sesiapa terbahit rasuah atau penyelewengan. Ini termasuk denda dan hukuman tegas kepada pelaku.

Sudah sampai masa untuk mengkaji menggunakan pendekatan baharu bagi pengurusan dana dan perolehan kerajaan. Saranan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan badan awam memperjuangkan usaha konstruktif memerangi rasuah, integriti dan ketirisan dana awam wajar diteliti dan dilaksanakan jika bersesuaian.

Justeru, pelancaran NACS 2024-2028 akan menjadi penggerak susulan lebih komprehensif dalam usaha memerangi rasuah di Malaysia. Kita tidak mahu lagi mendengar Indeks Persepsi Rasuah (CPI) diumumkan Transparency International (TI) Malaysia berulang lagi.

Penemuan didedahkan Azam selari dengan apa yang pernah dinyatakan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang bahawa sehingga 30 peratus daripada nilai projek awam negara hilang akibat salah urus dan rasuah. Kini kerajaan memperkenalkan NACS sebagai kesinambungan kepada NACP 2019-2023. Langkah ini wajar disambut baik kesemua pemegang taruh.

NACS menyediakan rangka kerja dan menunjukkan arah jelas membanteras rasuah di setiap peringkat. Pada masa sama, ia menetapkan matlamat mahu mengukuhkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban semua pihak di seluruh negara. Diharap NACS menjadi titik tolak membina menangani ketirisan, sekali gus menjadikan Malaysia negara berintegriti tinggi dan bebas rasuah.



MALAYSIA  
MADANI



JABATAN AUDIT NEGARA

AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

BERNAMA | 27 MEI 2025

## NADM Recovers RM123 Million In Unremitted Revenue Following Audit Act Amendment

🕒 27/05/2025 07:09 PM



PUTRAJAYA, May 27 (Bernama) -- The National Audit Department (NADM) has **recovered** approximately RM123 million in previously unpaid revenues since the amendment to the Audit Act 1957 (Act 62), which came into force last year, said Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

She said the department has also tracked incomplete infrastructure projects that have been carried out in coordination with the auditors.

"...after the Act was amended, we have been able to follow through on a lot of the issues highlighted in previous reports (The Auditor-General's Report).

"We have followed up on about RM123 million in unpaid revenues. We have followed up on infrastructure that was not done, through various platforms that we have with our auditors," she said at the ASEAN Auditor Conference 2025 here today.

Wan Suraya was one of the panelists for the high-level dialogue session titled Enhancing Public Sector Auditing Through Follow-Up Audit, moderated by Deputy Auditor-General Azman Mahmood.

The other two panelists were the Philippines' Commission on Audit Chairperson Gamaliel Asis Cordoba and Indonesia's Audit Board Director General of Audit VII Pranoto.

Wan Suraya added that the revised Act empowers the Auditor-General to take action on issues or make formal recommendations when serious irregularities are uncovered.

"I just like to flag that out because this is within the ambit of the new power. The other point I would like to highlight is that what we are trying to drive through now is the enhanced accountability through Parliament, since our reports are also debated there.

"This process ensures transparency and compels relevant ministries and agencies to justify their responses or inaction. This is a clear focus on turning findings into measurable action. We want to know what they are going to do to fix whatever deficiencies or inefficiencies are identified in the report," she added.

Earlier, the conference also featured a keynote address by the Secretary-General of ASEAN Dr Kao Kim Hourn, delivered via video message.

In his remarks, he highlighted the credibility and vital role of auditors across the public, private and internal audit sectors, while calling for stronger regional and cross-sector collaboration to build a trusted and competent audit profession.

In line with Malaysia's ASEAN Chairmanship in 2025 and the appointment of Malaysia's Auditor-General as Chair of the ASEAN Audit Committee, NADM is hosting the inaugural ASEAN Auditor Conference 2025 from today until tomorrow at the Putrajaya International Convention Centre.

The conference convenes 2,243 participants from public and private sectors, including regional and international delegates and several Heads of Supreme Audit Institutions from ASEAN and beyond, such as Brunei, the Philippines, Cambodia, Laos, the Maldives and Yemen.

Held under the theme Inclusive and Sustainable Auditing for a Progressive ASEAN, the conference is a strategic platform to exchange knowledge and experiences aimed at strengthening audit frameworks in response to emerging challenges.

These include digital transformation in auditing, alignment with Environmental, Social, and Governance (ESG) reporting standards, capacity building and enhanced cross-border collaboration.



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

MALAYSIA CORNER | 27 MEI 2025



PUTRAJAYA: The National Audit Department (NADM) has recovered approximately RM123mil in previously unpaid revenues since the amendment to the Audit Act 1957 [Act 62], which came into force last year, said Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

She said the department has also tracked incomplete infrastructure projects that have been carried out in coordination with the auditors.

"After the Act was amended, we have been able to follow through on a lot of the issues highlighted in previous reports [The Auditor-General's Report].

"We have followed up on about RM123mil in unpaid revenues. We have followed up on infrastructure that was not done, through various platforms that we have with our auditors," she said at the Asean Auditor Conference 2025 here on Tuesday [May 27].

Wan Suraya was one of the panelists for the high-level dialogue session titled Enhancing Public Sector Auditing Through Follow-Up Audit, moderated by Deputy Auditor-General Azman Mahmood.

The other two panellists were the Philippines' Commission on Audit Chairperson Gamaliel Asis Cordoba and Indonesia's Audit Board Director General of Audit VII Pranoto.

Wan Suraya added that the revised Act empowers the Auditor-General to take action on issues or make formal recommendations when serious irregularities are uncovered.

"I just like to flag that out because this is within the ambit of the new power. The other point I would like to highlight is that what we are trying to drive through now is the enhanced accountability through Parliament, since our reports are also debated there.

"This process ensures transparency and compels relevant ministries and agencies to justify their responses or inaction. This is a clear focus on turning findings into measurable action. We want to know what they are going to do to fix whatever deficiencies or inefficiencies are identified in the report," she added.

Earlier, the conference also featured a keynote address by the Secretary-General of Asean Dr Kao Kim Hourn, delivered via video message.

In his remarks, he highlighted the credibility and vital role of auditors across the public, private and internal audit sectors, while calling for stronger regional and cross-sector collaboration to build a trusted and competent audit profession.

In line with Malaysia's Asean Chairmanship in 2025 and the appointment of Malaysia's Auditor-General as Chair of the Asean Audit Committee, NADM is hosting the inaugural Asean Auditor Conference 2025 from today until tomorrow at the Putrajaya International Convention Centre.

The conference convenes 2,243 participants from public and private sectors, including regional and international delegates and several Heads of Supreme Audit Institutions from Asean and beyond, such as Brunei, the Philippines, Cambodia, Laos, the Maldives and Yemen.

Held under the theme Inclusive and Sustainable Auditing for a Progressive Asean, the conference is a strategic platform to exchange knowledge and experiences aimed at strengthening audit frameworks in response to emerging challenges.

These include digital transformation in auditing, alignment with Environmental, Social, and Governance (ESG) reporting standards, capacity building and enhanced cross-border collaboration. - Bernama



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

ASTRO AWANI ONLINE | 27 MEI 2025

NATIONAL

## JAN kutip RM123 juta hasil tidak dibayar susulan pindaan Akta Audit



Bernama  
27/05/2025 | 20:15 MYT



Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata jabatan itu juga berjaya mengesan projek infrastruktur yang tidak lengkap hasil kerjasama rapat dengan para juruaudit. - Foto BERNAMA

**PUTRAJAYA:** Jabatan Audit Negara (JAN) berjaya mengutip semula kira-kira RM123 juta hasil yang tidak dibayar susulan pindaan Akta Audit 1957 (Akta 62) yang berkuat kuasa tahun lepas.

Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata jabatan itu juga berjaya mengesan projek infrastruktur yang tidak lengkap hasil kerjasama rapat dengan para juruaudit.

"...selepas akta itu dipinda, kami dapat membuat tindakan susulan terhadap banyak isu yang telah diketengahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara sebelum ini.

"Kami membuat tindakan susulan terhadap kira-kira RM123 juta hasil yang tidak dibayar. Kami juga telah mengambil tindakan terhadap projek infrastruktur yang tidak dilaksanakan melalui pelbagai platform yang ada bersama juruaudit kami," katanya semasa Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 di sini hari ini.

Wan Suraya ialah seorang daripada ahli panel dalam sesi dialog peringkat tinggi bertajuk "Enhancing Public Sector Auditing Through Follow-Up Audit" yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Audit Negara Azman Mahmood.

Dua lagi panel terdiri Pengerusi Suruhanjaya Audit Filipina Gamaliel Asis Cordoba dan Ketua Pengarah Audit VII Lembaga Audit Indonesia Pranoto.

Wan Suraya berkata pindaan akta juga memberikan kuasa kepada ketua audit negara untuk mengambil tindakan atau membuat syor rasmi sekiranya mengesan terdapatnya penyelewengan yang serius.

"Ini sebahagian daripada kuasa baharu yang diberikan. Saya juga ingin menyentuh mengenai usaha kami untuk memperkukuh kebertanggungjawaban melalui Parlimen, memandangkan laporan kami juga dibahaskan.

"Proses ini memastikan ketelusan dan memaksa kementerian serta agensi berkaitan memberi justifikasi terhadap tindakan atau ketiadaan tindakan. Kami mahu tahu apakah langkah yang akan diambil bagi menangani kelemahan atau ketidakcekapan yang dikenal pasti dalam laporan," katanya.

Terdahulu, persidangan itu turut menampilkan uapata oleh Setiausaha Agung ASEAN Dr Kao Kim Hourn yang disampaikan melalui mesej video.

Dalam uapata itu, beliau menyentuh mengenai kredibiliti dan peranan penting juruaudit dalam sektor awam, swasta dan audit dalaman, sambil menyeru kerjasama yang lebih kukuh di peringkat serantau dan merentas sektor untuk membina profesion audit yang dipercayai dan kompeten.

Selaras dengan Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun ini dan pelantikan Ketua Audit Negara Malaysia sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit ASEAN, JAN menganjurkan Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 yang julung kali diadakan, bermula hari ini hingga esok di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Persidangan itu menghimpunkan 2,243 peserta dari sektor awam dan swasta, termasuk delegasi serantau dan antarabangsa serta beberapa ketua institusi audit utama dari ASEAN dan negara lain seperti Brunei, Filipina, Kemboja, Laos, Maldives, dan Yaman.

Bertemakan "Inclusive and Sustainable Auditing for a Progressive ASEAN", persidangan ini menjadi platform strategik untuk pertukaran ilmu dan pengalaman bagi memperkukuh rangka kerja audit dalam menghadapi cabaran semasa.

-- BERNAMA



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

THE EDGE MALAYSIA | 27 MEI 2025

## Auditor general says RM123m in unremitted revenue recovered after Act amendment last year

By Bernama / Bernama

27 May 2025, 05:46 pm



PUTRAJAYA (May 27): The National Audit Department (NADM) has recovered approximately RM123 million in previously unpaid revenues following an amendment to the Audit Act 1957 (Act 62), which came into force last year, said Auditor General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

She said the department had also tracked incomplete infrastructure projects, carried out in coordination with the auditors.

"After the Act was amended, we have been able to follow through on a lot of the issues highlighted in previous reports (the Auditor General's Reports).

"We have followed up on about RM123 million in unpaid revenues. We have followed up on infrastructure that was not done, through various platforms that we have with our auditors," she said at the Asean Auditor Conference 2025 here on Tuesday.

Wan Suraya was one of the panellists for the high-level dialogue session titled "Enhancing Public Sector Auditing Through Follow-Up Audit", moderated by Deputy Auditor General Azman Mahmood.

The other two panellists were the Philippines' Commission on Audit chairperson Gamaliel Asis Cordoba and Indonesia's Audit Board director general of audit VII Pranoto.

Wan Suraya added that the revised Act empowers the auditor general to take action on issues or make formal recommendations when serious irregularities are uncovered.

"I just like to flag that out because this is within the ambit of the new power. The other point I would like to highlight is that what we are trying to drive through now is the enhanced accountability through Parliament, since our reports are also debated there.

"This process ensures transparency and compels relevant ministries and agencies to justify their responses or inaction. This is a clear focus on turning findings into measurable action. We want to know what they are going to do to fix whatever deficiencies or inefficiencies are identified in the reports," she added.

Earlier, the conference also featured a keynote address by secretary general of Asean Dr Kao Kim Hourn, delivered via video message.

In his remarks, he highlighted the credibility and vital role of auditors across the public, private and internal audit sectors, while calling for stronger regional and cross-sector collaboration to build a trusted and competent audit profession.

In line with Malaysia's Asean chairmanship in 2025 and the appointment of Malaysia's auditor general as the chair of the Asean Audit Committee, the NADM is hosting the inaugural Asean Auditor Conference 2025 from Tuesday to Wednesday at the Putrajaya International Convention Centre.

The conference convenes 2,243 participants from the public and private sectors, including regional and international delegates and several heads of supreme audit institutions from Asean and beyond, such as Brunei, the Philippines, Cambodia, Laos, the Maldives and Yemen.

Held under the theme of "Inclusive and Sustainable Auditing for a Progressive Asean", the conference is a platform to exchange knowledge and experiences aimed at strengthening audit frameworks in response to emerging challenges.

These include digital transformation in auditing, alignment with environmental, social, and governance (ESG) reporting standards, capacity building and enhanced cross-border collaboration.



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

BERITA HARIAN | 27 MEI 2025

## ASEAN perlu beralih menjadi blok tadbir urus - KSN

Bernama

PUTRAJAYA: ASEAN perlu beralih daripada sekadar sebuah blok geografi kepada blok tadbir urus susulan penjajaran semula perdagangan yang sedang berlaku, ketidaktentuan rantaian bekalan dan persaingan kuasa besar dunia.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata cabaran ini bukan lagi ancaman pada masa depan, sebaliknya sudah dirasai dalam harga makanan, rancangan infrastruktur dan pasaran buruh.

"Bagi ASEAN, cabaran ini menjadi lebih kompleks kerana kepelbagaian ekonomi, keupayaan dan sistem tadbir urus kita, namun inilah juga kekuatan kita.

"Keupayaan kita untuk menyesuaikan diri, bekerjasama dan menjunjung prinsip bersama seperti ketelusan, akauntabiliti dan keterangkuman adalah penentu masa depan serantau," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 anjuran Jabatan Audit Negara (JAN) di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Shamsul Azri berkata, tadbir urus pada masa kini bukan lagi hanya mengenai kawalan, sebaliknya perlu mewujudkan kepercayaan dalam kalangan rakyat ASEAN yang semakin berhubung, bermaklumat dan mengharapkan integriti lebih tinggi.

"Institusi awam kita mesti bertindak balas bukan dengan birokrasi tetapi dengan keberanian, keterbukaan dan kecekapan. Perkhidmatan awam kita perlu cukup tangkas menterjemahkan cabaran makro ini kepada pembaharuan mikro.

"Usaha pembaharuan perkhidmatan awam di Malaysia didorong agenda yang menyeluruh dan terancang, berpaksikan kepada lima teras reformasi, iaitu nilai serta tadbir urus, modal insan, pembangunan organisasi, penyampaian perkhidmatan dan sinergi awam-swasta," katanya.

Beliau berkata, kepentingan kerjasama turut semakin meningkat dalam sektor awam ASEAN dengan pihak berkepentingan perlu memainkan peranan lebih besar seperti juruaudit, penggubal dasar dan peneraju tadbir urus digital saling bekerjasama untuk mencipta nilai.

Selaras dengan Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia dan pelantikan Ketua Audit Negara Malaysia sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit ASEAN (AAC), JAN menganjurkan Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 yang julung kali diadakan bermula hari ini hingga esok di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Persidangan ini menghimpunkan 2,243 peserta dari sektor awam dan swasta, membabitkan negara serantau dan antarabangsa termasuk beberapa Ketua Institusi Audit Tertinggi (SAI) dari negara ASEAN dan Asia seperti Brunei, Filipina, Kemboja, Laos, Maldives dan Yaman. — BERNAMA



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

BERNAMA | 27 MEI 2025

AM > BERITA

## ASEAN Perlu Beralih Menjadi Blok Tadbir Urus – KSN

27/05/2025 02:23 PM



PUTRAJAYA, 27 Mei (Bernama) -- Berikutan penjarangan semula perdagangan yang sedang berlaku, ketidaktentuan rantaian bekalan dan persaingan kuasa-kuasa besar dunia, ASEAN perlu beralih daripada sekadar sebuah blok geografi kepada blok tadbir urus.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata cabaran-cabaran ini bukan lagi ancaman pada masa depan, sebaliknya sudah dirasai dalam harga makanan, rancangan infrastruktur dan juga pasaran buruh.

"Bagi ASEAN, cabaran-cabaran ini menjadi lebih kompleks kerana kepelbagaian ekonomi, keupayaan dan sistem tadbir urus kita, namun inilah juga kekuatan kita.

"Keupayaan kita untuk menyesuaikan diri, bekerjasama dan menjunjung prinsip bersama seperti ketelusan, akauntabiliti dan keterangkuman adalah penentu masa depan serantau," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 anjuran Jabatan Audit Negara (JAN) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Shamsul Azri berkata tadbir urus pada masa kini bukan lagi hanya mengenai kawalan, sebaliknya perlu mewujudkan kepercayaan dalam kalangan rakyat ASEAN yang semakin berhubung, bermaklumat dan mengharapkan integriti yang lebih tinggi.

"Institusi awam kita mesti bertindak balas bukan dengan birokrasi tetapi dengan keberanian, keterbukaan dan kecekapan. Perkhidmatan awam kita perlu cukup tangkas untuk menterjemahkan cabaran makro ini kepada pembaharuan mikro.

"Usaha pembaharuan perkhidmatan awam di Malaysia didorong oleh agenda yang menyeluruh dan terancang, berpaksikan kepada lima teras reformasi, iaitu nilai dan tadbir urus, modal insan, pembangunan organisasi, penyampaian perkhidmatan serta sinergi awam-swasta," katanya.

Beliau berkata kepentingan kerjasama turut semakin meningkat dalam sektor awam ASEAN dengan pihak-pihak berkepentingan perlu memainkan peranan lebih besar seperti juruaudit, penggubal dasar dan peneraju tadbir urus digital saling bekerjasama untuk mencipta nilai.

Selaras dengan Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia dan pelantikan Ketua Audit Negara Malaysia sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit ASEAN (AAC), JAN menganjurkan Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 yang julung kali diadakan bermula hari ini hingga esok di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Persidangan ini menghimpunkan 2,243 peserta dari sektor awam dan swasta, melibatkan negara serantau dan antarabangsa termasuk beberapa Ketua Institusi Audit Tertinggi (SAI) dari negara-negara ASEAN dan Asia seperti Brunei, Filipina, Kemboja, Laos, Maldives dan Yemen.

-- BERNAMA



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

THE SUN | 27 MEI 2025

Local

## NADM pursues RM123 million in unremitted revenue following Audit Act amendment

Bernama

27 05 2025 04:57 PM



Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi - BERITA KEDAH

Tik Tok For Business

Create Your First Campaign

SIGN UP ►

**PUTRAJAYA:** The National Audit Department (NADM) has recovered approximately RM123 million in previously unpaid revenues since the amendment to the Audit Act 1957 (Act 62), which came into force last year, said Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

She said the department has also tracked incomplete infrastructure projects that have been carried out in coordination with the auditors.

"...after the Act was amended, we have been able to follow through on a lot of the issues highlighted in previous reports (The Auditor-General's Report).

"We have followed up on about RM123 million in unpaid revenues. We have followed up on infrastructure that was not done, through various platforms that we have with our auditors," she said at the ASEAN Auditor Conference 2025 here today.

Wan Suraya was one of the panelists for the high-level dialogue session titled Enhancing Public Sector Auditing Through Follow-Up Audit, moderated by Deputy Auditor-General Azman Mahmood.

The other two panellists were the Philippines' Commission on Audit Chairperson Gamaliel Asis Cordoba and Indonesia's Audit Board Director General of Audit VII Pranoto.

Wan Suraya added that the revised Act empowers the Auditor-General to take action on issues or make formal recommendations when serious irregularities are uncovered.

"I just like to flag that out because this is within the ambit of the new power. The other point I would like to highlight is that what we are trying to drive through now is the enhanced accountability through Parliament, since our reports are also debated there.

"This process ensures transparency and compels relevant ministries and agencies to justify their responses or inaction. This is a clear focus on turning findings into measurable action. We want to know what they are going to do to fix whatever deficiencies or inefficiencies are identified in the report," she added.

Earlier, the conference also featured a keynote address by the Secretary-General of ASEAN Dr Kao Kim Hourn, delivered via video message.

In his remarks, he highlighted the credibility and vital role of auditors across the public, private and internal audit sectors, while calling for stronger regional and cross-sector collaboration to build a trusted and competent audit profession.

In line with Malaysia's ASEAN Chairmanship in 2025 and the appointment of Malaysia's Auditor-General as Chair of the ASEAN Audit Committee, NADM is hosting the inaugural ASEAN Auditor Conference 2025 from today until tomorrow at the Putrajaya International Convention Centre.

The conference convenes 2,243 participants from public and private sectors, including regional and international delegates and several Heads of Supreme Audit Institutions from ASEAN and beyond, such as Brunei, the Philippines, Cambodia, Laos, the Maldives and Yemen.

Held under the theme Inclusive and Sustainable Auditing for a Progressive ASEAN, the conference is a strategic platform to exchange knowledge and experiences aimed at strengthening audit frameworks in response to emerging challenges.

These include digital transformation in auditing, alignment with Environmental, Social, and Governance (ESG) reporting standards, capacity building and enhanced cross-border collaboration.



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

## ASEAN BERNAMA | 27 MEI 2025

### ASEAN Perlu Beralih Menjadi Blok Tadbir Urus - KSN



Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi (tengah) menyempurnakan Majlis Peluncuran Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) hari ini. Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Shukor Mahmood (kiri) dan Timbalan Ketua Audit Negara (kewangan), Datuk Patimah Ramuji. -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

PUTRAJAYA, 27 Mei (Bernama) -- Berikutan penajaran semula perdagangan yang sedang berlaku, ketidakpastian rantaian bekalan dan persaingan kuasa-kuasa besar dunia, ASEAN perlu beralih daripada sekadar sebuah blok geografi kepada blok tadbir urus.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata cabaran-cabaran ini bukan lagi ancaman pada masa depan, sebaliknya sudah dirasai dalam harga makanan, rancangan infrastruktur dan juga pasaran buruh.

"Bagi ASEAN, cabaran-cabaran ini menjadi lebih kompleks kerana kepelbagaian ekonomi, keupayaan dan sistem tadbir urus kita, namun inilah juga kekuatan kita.

"Keupayaan kita untuk menyesuaikan diri, bekerjasama dan menjunjung prinsip bersama seperti ketelusan, akauntabiliti dan keterangkuman adalah penentu masa depan serantau," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 anjuran Jabatan Audit Negara (JAN) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Shamsul Azri berkata tadbir urus pada masa kini lagi hanya mengenai kawalan, sebaliknya perlu mewujudkan kepercayaan dalam kalangan rakyat ASEAN yang semakin berhubung, bermaklumat dan mengharapkan integriti yang lebih tinggi.

"Institusi awam kita mesti bertindak balas bukan dengan birokrasi tetapi dengan keberanian, keterbukaan dan kecekapan. Perkhidmatan awam kita perlu cukup tangkas untuk menterjemahkan cabaran makro ini kepada pembaharuan mikro.

"Usaha pembaharuan perkhidmatan awam di Malaysia didorong oleh agenda yang menyeluruh dan terancang, berpaksikan kepada lima teras reformasi, iaitu nilai dan tadbir urus, modal insan, pembangunan organisasi, penyampaian perkhidmatan serta sinergi awam-swasta," katanya.

Beliau berkata kepentingan kerjasama turut semakin meningkat dalam sektor awam ASEAN dengan pihak-pihak berkepentingan perlu memainkan peranan lebih besar seperti juruaudit, penggubal dasar dan peneraju tadbir urus digital saling bekerjasama untuk mencipta nilai.

Selaras dengan Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia dan pelantikan Ketua Audit Negara Malaysia sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit ASEAN (AAC), JAN menganjurkan Persidangan Juruaudit ASEAN 2025 yang julung kali diadakan bermula hari ini hingga esok di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Persidangan ini menghimpunkan 2,243 peserta dari sektor awam dan swasta, melibatkan negara serantau dan antarabangsa termasuk beberapa Ketua Institusi Audit Tertinggi (SAI) dari negara-negara ASEAN dan Asia seperti Brunei, Filipina, Kemboja, Laos, Maldives dan Yemen.

-- BERNAMA



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN MEI 2025

BUSINESS TODAY | 27 MEI 2025

## National Audit Tracking Down RM123 Million In Unpaid Revenues

By Editor - May 27, 2025



The National Audit Department (NADM) has followed up on approximately RM123 million in previously unpaid revenues since the amendment to the Audit Act 1957, which came into force last year, said Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

It has also tracked incomplete infrastructure projects carried out in coordination with the auditors.

"..after the Act was amended, we have been able to follow through on a lot of the issues highlighted in previous reports (the Auditor-General's Report).

"We have followed up on about RM123 million in unpaid revenues. We have followed up on infrastructure that was not done, through various platforms that we have with our auditors," she said during the Asean Auditor Conference 2025 today.

